

Minggu Gastronomi Brunei raikan kepelbagaian masakan tempatan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menyampaikan Sijil Penghargaan kepada juri-juri yang menghakimkan masakan-masakan tersebut (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali menyaksikan hidangan daripada setiap peserta.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Februari. - Gastronomi merupakan peneraju utama bagi pelancong dalam memilih destinasi kerana mereka ingin merasakan masakan-masakan tempatan di setiap destinasi, di mana penawar penginapan juga meletakkannya sebagai perkembangan bagi pelancongan gastronomi (*gastronomy tourism*). Peniaga-peniaga pelancongan yang menyedari akan manfaat Pelancongan Gastronomi daripada para pelancong tempatan dan luar negara juga menjadikan faktor gastronomi dalam kemudahan

mereka. Tujuan utama Minggu Gastronomi Brunei adalah bagi meraikan kepelbagai masakan tempatan Negara Brunei Darussalam selain meningkatkan profil kulineri dan gastronomi luas negara ini. Demikian dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa melancarkan Minggu Gastronomi Brunei 2019 Ke-3 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun

2019, berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP). Dalam hubungan itu, Yang Berhormat menyeru agar lebih banyak hotel dan restoran menyajikan masakan-masakan Brunei dengan cara yang lebih hebat seperti menaikkan hidangan Brunei untuk disajikan sebagai sebahagian daripada pengalaman makan (*fine dining experience*) atau semasa majlis yang diadakan di dalam atau di luar negara. "Memberikan pengalaman gastronomi yang unik adalah penting kepada rakyat di negara ini dan kepada para pengunjung luar," jelas Yang Berhormat. Acara kemuncak Minggu

Gastronomi kali ini tambah Yang Berhormat ialah memperkenalkan masakan berasaskan kunyit, yang sering menjadi bahan utama dalam masakan Brunei, sebagai istimewa, yang mana pada tahun ini, sebanyak 10 buah hotel dan restoran, termasuk Syarikat Penerbangan Diraja Brunei menyertai Minggu Gastronomi kali ini. Majlis diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Pemenang Gastronomi Brunei 2018 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hotel Antarabangsa Rizqun berjaya memenangi Anugerah bagi 'The Best Taste' dan 'The Best

Wholesomeness', manakala 'The Best Presentation' diraih oleh The Empire Hotel & Country Club. Anugerah 'The Most Innovative' pula dimenangi oleh Brunei Hotel dan 'The Most Creative' dimenangi oleh Radisson Hotel. Acara tahunan ini dianjurkan bersama oleh KSSUP dan Lembaga Kemajuan Pelancongan Brunei dengan kerjasama beberapa buah hotel dan restoran di negara ini termasuk Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan agensi-agensi pelancongan. Minggu Gastronomi Brunei 2019 yang akan berlangsung mulai 23 Februari sehingga 10 Mac 2019 disertai oleh Anjung Saujana dan Horizon Seafood dari Royal Brunei Catering, Eco Ponies Garden, Radisson Hotel, Hotel Antarabangsa Rizqun, Royal Brunei Airlines, Sumbiling Eco Village, The Brunei Hotel, The Empire Hotel & Country Club dan The Longhouse Training Restaurant, School of Hospitality and Tourism, Kampus Sultan Saiful Rijal. Sepanjang dua minggu acara diadakan, restoran-restoran yang ikut serta akan mempromosikan hidangan-hidangan utama dan istimewa mereka, antaranya 'De-constructed Laksa' dari Radisson Hotel, 'Trio Duck served with Turmeric Sauce' dari Anjung Saujana dan Udang Sambal Kunyit dari Longhouse Training Restaurant. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk merasakan sendiri kulineri dan masakan Brunei di hotel-hotel dan restoran yang menyertainya.

Lebih 100 belia sertai Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (lima, kiri) bersama para belia pada Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi di Masjid Ash-Shaliheen.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Februari. - Lebih 100 orang belia daripada pelbagai persatuan menghadiri Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen. Program yang julung kali diadakan ini dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Anuar bin Haji Salim. Acara kemudiannya diikuti dengan sesi tazkirah subuh bertajuk 'Remaja Pencinta Masjid Tercium Bau Syurga' disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Bahasa Arab Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Ahmad @ Ahmad Asri Lubis.

Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit

Hadir bersama para belia pada program tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang. Program yang akan diadakan dua bulan sekali sepanjang tahun 2019 ini antara lain bertujuan bagi mendidik belia-belia untuk mengerjakan sembahyang secara berjemaah di masjid dan seterusnya mengisikan masa mereka dengan melakukan pelbagai aktiviti keagamaan. Orang ramai khususnya para belia adalah dialu-alukan untuk menyertai program berkenaan dan ianya akan dilartakan ke masjid-masjid yang lainnya.